






SIARAN AKHBAR

INDEKS HARGA HARTANAH KEDIAMAN (RPPI) NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI SUKU KEDUA (Q2 2021)

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menerbitkan Indeks Harga Hartanah Kediaman atau Residential Property Price Index (RPPI) Negara Brunei Darussalam bagi suku kedua (Q2) 2021. Indeks ini dihasilkan dengan data yang diperolehi daripada bank-bank di Negara Brunei Darussalam, dan diterbitkan dengan kerjasama pihak Kementerian Pembangunan, khususnya Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi).
2. Pada Q2 2021, RPPI menunjukkan peningkatan sebanyak 10.0% tahun-ke-tahun kepada 93.1 berbanding dengan Q2 2020, dan peningkatan sebanyak 0.3% berbanding dengan Q1 2021.

Tempoh	Indeks [Q1 2015 = 100]	Perubahan (%)	
		Dari Q2 2020	Dari Q1 2021
Q2 2021	93.1	10.0%	0.3%





3. Berdasarkan data pinjaman bagi pembelian harta tanah kediaman persendirian yang diperolehi daripada bank-bank, sebanyak 103 transaksi pembelian harta tanah kediaman persendirian telah dicatatkan pada Q2 2021 berbanding dengan 112 transaksi pada Q1 2021. Kebanyakan daripada transaksi tersebut adalah bagi pembelian rumah berasingan atau *detached* [66.0%]; diikuti oleh rumah berkembar atau *semi-detached* [19.4%]; rumah teres [6.8%]; pangaspuri [4.9%]; dan tanah [2.9%].

4. Harga median bagi pembelian kesemua jenis harta tanah kediaman persendirian pada Q2 2021 adalah BND277,000. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 16.4% berbanding dengan Q2 2020, dan peningkatan sebanyak 12.1% berbanding dengan Q1 2021. Harga median bagi pembelian rumah berasingan atau *detached* adalah BND299,500; bagi rumah berkembar atau *semi-detached* adalah BND256,000; bagi rumah teres adalah BND210,000; bagi pangaspuri adalah BND230,000; dan bagi tanah adalah BND145,000.
5. Indeks dan statistik yang diterbitkan adalah untuk maklumat umum sahaja. Orang ramai adalah dinasihatkan untuk tidak hanya bergantung kepada indeks dan statistik tersebut untuk menilai mana-mana harta tanah kerana harga harta tanah kediaman persendirian adalah berbeza tertakluk antaralainnya kepada lokasi, saiz tanah dan keluasan lantai.
6. Bagi maklumat lanjut, nota teknikal dan data terkini boleh didapati di laman web BDCB www.bdcb.gov.bn. Maklumat terkini mengenai RPPI juga akan dikeluarkan dari masa ke masa melalui akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.

Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 11 Rabiulawal 1443H/ 18 October 2021M

Rujukan: BDCB/COMMS/3